



## ZULFAQAR International Journal of Politics, Defence & Security

Journal homepage: [www.zulfaqar.upnm.edu.my](http://www.zulfaqar.upnm.edu.my)



### Minda Pemimpin Komunis Melayu: Rashid Maidin dan Abdullah C.D.

[The Minds of Malay Communist Leaders: Rashid Maidin and Abdullah C.D.]

Kamaruddin M. Said\*

Pejabat Naib Canselor, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Malaysia.

\*Corresponding author: [kamaruddinsaid1988@gmail.com](mailto:kamaruddinsaid1988@gmail.com)

#### ARTICLE INFO

##### Article history:

Received  
27/05/2013  
Received in  
revised  
28/04/2014  
Accepted  
28/04/2014  
Available online

##### Katakunci:

Melayu;  
Komunis;  
Nasionalisme;  
Rashid Maidin;  
Abdullah C.D.

##### Keywords:

Malays;  
Communist;  
Nationalism;  
Rashid Maidin;  
Abdullah C.D.

ISSN: 2289-6813

Type: Article

**ABSTRAK:** Rashid Maidin dan Abdullah C.D. ialah dua orang pemimpin de facto Rejimen ke-10, Tentera Pembebasan Rakyat Malaya di bawah Parti Komunis Malaya. Minda mereka secara bergandingan, iaitu gabungan pemikiran, kesedaran dan cita-cita peribadi mereka, dengan input ideologi Marxisme-Leninisme-Maoisme telah menjadi acuan kepimpinan dan tindakan mereka menerusi kegiatan bersenjata PKM selama empat dekad. Pemikiran, kesedaran dan impian politik mereka ini terungkap dalam memoir mereka. Bergantung kepada perubahan dalam persekitaran politik di Persekutuan Tanah Melayu dan politik dunia selama empat dekad itu, minda mereka boleh dianggap dipengaruhi oleh pilihan rasional ataupun dogmatisme ideologi. Pada mulanya, minda mereka dipandu oleh pilihan rasional kerana keterlibatan mereka dalam PKM adalah dalam era gerakan nasionalisme menentang kolonialisme Inggeris sedang bersemarak di Persekutuan Tanah Melayu. Namun begitu, setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada 1957, dan gerakan PKM mengalami kemerosotannya, mereka berdua sebagai pemimpin penting PKM telah berusaha mempergiatkan kembali gerakan perjuangan bersenjata menerusi Rejimen ke-10 tersebut. Hal ini terjadi kerana minda nasionalis mereka telah pun terperangkap dalam dogmatisme Marxisme-Leninisme-Maoisme. Dogmatisme ideologi menjadi landasan kepada pilihan rasional mereka untuk meneruskan gerakan revolusionir bersenjata. Makalah ini bertujuan menyelami minda politik Rashid Maidin dan Abdullah C.D. menerusi analisis kandungan terhadap memoir mereka. Isi minda Rashid Maidin dan Abdullah C.D. ditafsirkan berpandukan teori 'pilihan rasional' yang pernah diguna pakai oleh Theda Skocpol apabila menganalisis secara sosiologikal tentang revolusi sosial di Perancis, Russia dan China.

**ABSTRACT:** Rashid Maidin and Abdullah C.D. were the de facto leaders of the 10th Regiment, People Liberation's Army of the Malayan Communist Party (MCP). Their minds, namely combination of their thought, consciousness and ambitionsrooted in the political ideology of Marxism-Leninism-Maoism, had shaped their leadership and actions through the arm-struggles of the MCP for four decades. Rashid Maidin's and Abdullah C.D.'s political thoughts, consciousness and ambitions are explicitly expressed in their respective memoirs. Subjected to the changes of political scenarios at the national and international levels over the decades, Rashid Maidin's and Abdullah C.D.'s minds could be perceived to be a combination that initially was a rational choice, given that their involvement with the MCP coincided with the growth of political nationalism against the British colonialism within the Federation of Malaya. However, when the Federation of Malaya achieved her independence in 1957, and the political influence of the MCP deteriorated, Rashid Maidin and Abdullah C.D. strived to reactivate the PKM's arm struggle. This was mainly due to their dogmatic belief in the political ideology of Marxism-Leninism-Maoism which was their new rational choice, then. This article aims at analyzing Rashid Maidin's and Abdullah C.D.'s political minds, based on the content analysis of their own memoirs, within the framework of 'rational choice' as previously demonstrated by Theda Skocpol in her interpretation of the French, Russian and Chinese social revolutions.

## 1. Pendahuluan

Zaman tercetusnya revolusi Marxist dan perang gerila yang dilancarkan oleh parti komunis di serata dunia, kini boleh dikatakan telah berakhir. Keruntuhan sistem pemerintahan di bawah parti komunis di Kesatuan Soviet pada 1991 adalah penanda penting tentang berakhirnya pengaruh ideologi Marxist-Leninis di seluruh dunia. Ekoran tumbangnya rejim Kesatuan Soviet itu, sebahagian besar parti komunis di seluruh dunia dibubarkan, dan Parti Komunis Malaya (PKM) adalah salah satu daripadanya. Namun begitu, beberapa orang tokoh PKM, terutamanya tokoh komunis Melayu yang bergerak dalam Rejimen Ke-10, Tentera Pembebasan Nasional PKM, telah menulis dan menerbitkan memoir masing-masing. Walaupun ketika mereka menulis memoir masing-masing itu PKM telah pun dibubarkan dan rejim-rejim komunis yang dulunya bergabung di bawah Parti Komunis Kesatuan Soviet sedang dilanda krisis kepimpinan dan ideologi yang tenat, mereka mengungkapkan kisah perjuangan mereka dengan rasa bangga dan megah. Apakah asas kebanggaan dan kemegahan mereka ini?

Tulisan ini bertujuan menyelami minda dua orang tokoh komunis Melayu, iaitu Rashid Maidin dan Abdullah C.D. menerusi penelitian isi kandungan memoir mereka. Kedua-dua tokoh PKM ini mempunyai perenggu minda yang tidak banyak berbeza dan pernah bersama-sama aktif dalam PKM. Kepada masyarakat umum Malaysia, nama Rashid Maidin adalah lebih terkenal berbanding Abdullah C.D.. Ini ialah kerana Rashid Maidin terlibat dalam Rundingan Damai Baling pada 1955, dan Rundingan Damai Haadyai pada 1989, iaitu rundingan yang melibatkan PKM dengan wakil pihak pemerintah Malaya (1955) dan Malaysia (1989). Nama Abdullah C.D. kurang menonjol kerana publisiti mengenai beliau tidak banyak tersiar oleh akhbar, radio atau pun televisyen. Dalam organisasi PKM, kedudukan Abdullah C.D. adalah lebih tinggi berbanding Rashid Maidin. Rashid Maidin ialah orang kanan dan kepercayaan Abdullah C.D.. Abdullah C.D. ialah orang kepercayaan pemimpin *de facto* PKM, iaitu Chin Peng. Dialah orang yang ditugaskan oleh Chin Peng untuk menubuhkan Rejimen ke-10, PKM. Kemudian, beliau dilantik menjadi Pengurus PKM hingga ke tahun 1989. Tulisan ini melihat Rashid Maidin dan Abdullah C.D. sebagai regu yang memimpin Rejimen ke-10 PKM, iaitu regu yang begitu taksub meneruskan gerakan bersenjata menentang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia selama kira-kira 40 tahun.

## 2. Sosiologi Minda

George Herbert Mead pernah menulis bahawa minda manusia ialah salah satu daripada fenomena sosial kerana minda terbentuk menerusi proses sosial, dan terlibat secara langsung dengan berbagai tahap dan lapisan interaksi sosial (Mead, 1934: 133). Minda manusia terisi oleh berbagai nilai dan makna kehidupan yang ditimba daripada pengalaman sosial individu. Minda individu menjalin dan merangkumkan input lingkungan sosial dengan pilihan peribadi lalu mencetuskan tindakan individu berkenaan dalam kehidupannya. Oleh itu, minda kendiri individu, adalah merupakan satu proses berterusan yang menghubungkan pilihan peribadi dengan berbagai input dari lingkungan sosial. Ini ialah kerana minda ialah kombinasi pemikiran, persepsi, ingatan, keinginan, dan imaginasi yang mengalami proses ta'akulan dalam, lalu membentuk cetusan kesedaran dan intelek seseorang. Dengan itu minda seseorang itu sentiasa mengalami proses pembentukan kesedaran, rasional dan emosi yang berterusan (Zerubavel, 1997).

Minda golongan revolucioner boleh dikatakan unik, terutamanya minda golongan revolucioner Marxist-Leninist yang bergiat bersama-sama parti komunis. Ini kerana minda komunis percaya, yakin dan berpegang kepada doktrin asas yang ditekankan dalam teori Marxsist-Leninis, iaitu revolusi anjuran parti komunis berupaya mencetuskan revolusi untuk menumbangkan rejim feudal dan sistem kapitalis yang menindas dan seterusnya berkemampuan melahirkan masyarakat tanpa kelas (classless), tanpa negara (stateless) di samping kekayaan negara boleh dihasilkan dan dimiliki secara adil dan saksama menerusi sistem komunal (Daniels. 1989). Theda Skocpol dalam kebanyakan tulisannya mengenai revolusi sosial, menekankan bahawa kejayaan revolusi Marxist yang dilancarkan oleh parti komunis di Russia dan China, selain dibantu oleh keyakinan terhadap teori Marxist yang diguna pakai oleh parti komunis, juga banyak bergantung kepada ciri-ciri kehidupan masyarakat proletar dan agraria yang kesusahan yang menimbulkan kondisi yang sesuai untuk tercetusnya revolusi. Selain itu, sifat pemerintah (State) yang kejam turut bertindak sebagai ramuan yang cocok untuk mencetuskan kegelisahan massa, dan untuk menaruh harapan kepada kebaikan komunisme (Skocpol. 1994). Selain itu, dengan bantuan kuasa-kuasa luar yang bersimpati, kehadiran massa yang revolucioner, yang diperteguhkan oleh kewujudan psikologi radikal kerana kemelaratian hidup, dan kesedaran kelas tani-proletar yang tinggi berteraskan ajaran Marxisme, kumpulan revolucioner berpotensi mencetuskan revolusi sosial. Secara umumnya, dalam

keadaan yang serba tertekan, langkah mencetuskan revolusi ialah satu 'pilihan rasional' kepada kelas proletar dan petani miskin di Perancis, Russia dan China (Skocpol, 1979; Skocpol, 1994). Tulisan ini ingin meletakkan penelitian tentang minda pemimpin komunis Melayu tersebut dalam konteks 'pilihan rasional' ini dan cuba menyingkap inti pati kepada rasionaliti pemimpin komunis Melayu ini dalam perjuangan politik mereka.

### 3. Komunisme di Tanah Melayu

Ideologi komunisme telah mula bertapak di Tanah Melayu sejak dekad 1920-an, terutamanya dalam kalangan segelintir anggota masyarakat Cina. Ideologi ini dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh penghijrah daripada negeri China ketika itu. Komunisme diperkenalkan kepada segelintir aktivis politik Melayu oleh tokoh komunis Indonesia seperti Alimin, Tan Malaka, Hasanoesi, Moeso, Winanta, Boedisoejtro, Soebakat dan Sutan Perpateh (Ho Hui Ling, 2004). Oleh itu, tidak menghairankan jika komunisme merupakan salah satu daripada beberapa aliran kesedaran dan pemikiran politik yang mempengaruhi pergerakan dan langgam kehidupan sebahagian daripada nasionalis Melayu dalam dekad 1940-an. Matlamat perjuangan mereka adalah untuk mengalahkan kuasa kolonial dan imperialisme, mendirikan sistem pemerintahan berdasarkan teori dan ideologi Marxisme-Lenisme dengan menguatkuaskan kaedah kepimpinan demokrasi terpusat, melancarkan agenda melahirkan masyarakat egalitarian-sosialis dan sebagainya.

Minda komunis Melayu yang dibincangkan dalam bab ini merujuk kepada aliran pemikiran dan tindakan yang tumbuh dan mempengaruhi pergerakan politik dan militer yang ditaja dan dipimpin oleh PKM sejak parti tersebut ditubuhkan pada 1930 hingga dibubarkan pada 1989. Sebagai sebuah parti komunis yang ditaja penubuhannya oleh Communist International dan dibantu oleh Parti Komunis China, sejak penubuhannya lagi, PKM berpegang kepada ideologi Marxisme-Leninisme, dan kemudiannya Maoisme.

Marxisme-Leninisme ialah teori dan falsafah mengenai sistem sosial yang dijadikan ideologi aliran utama, malah rasmi oleh kesemua parti komunis yang bekerjasama di bawah Communist International dalam dekad 1920-an dan 1930-an. Teras teori dan falsafah ini adalah pemikiran yang terpancar dalam tulisan Karl Marx dan Vladimir Lenin. Marxisme-Leninisme diangkat menjadi ideologi rasmi ketika Joseph Stalin memerintah Kesatuan Soviet (1922-1953) dan pada ketika itu juga memimpin organisasi komunis seluruh dunia ketika itu.

Secara ringkas, ideologi Marxisme-Leninisme ini ialah teori dan falsafah sistem sosial, politik dan ekonomi yang berteraskan inti pati pemikiran Karl Marx yang diperhalusi dan diangkat oleh Vladimir Lenin, pemimpin Parti Komunis Russia yang memimpin Revolusi Oktober 1917 dan seterusnya memimpin Russia. Marxisme-Leninisme boleh dianggap sebagai pelaksanaan pragmatis berlandaskan teori dan falsafah Marx oleh Lenin. Dengan demikian, Marxisme-Leninisme menggabungkan teori dan pragsis sosialisme-komunisme yang dijadikan model yang perlu pelajari dan dicontohi oleh kesemua parti komunis di seluruh dunia.

Marxisme ialah teori dan falsafah yang berteraskan beberapa perkara utama, seperti berikut:

1. Teori dialektika-materialisme yang menekankan kewujudan pertentangan kelas tertindas terhadap kelas penindas terutamanya dalam masyarakat feudal dan kapitalis.
2. Bahawa kapitalisme yang dibangunkan oleh kelas pemodal yang menimbun-tambah kekayaan dengan melakukan pemerasan terhadap kelas pekerja akan runtuh akibat penentangan kelas yang dilancarkan oleh kelas pekerja dengan sokongan kesatuan buruh.
3. Bahawa kelas pekerja berupaya melancarkan revolusi sosial dan meruntuhkan rejim kapitalis jika dipimpin oleh parti komunis.
4. Parti komunis berupaya memimpin kelas pekerja dan para petani untuk melahirkan masyarakat sosialis yang wujud di atas landasan falsafah kesamarataan ekonomi dan sosial.

Inti pati teori dan falsafah ini terkandung dalam buku kecil karya Marx, yang cukup terkenal, berjudul "Manifesto Komunis".

Sebagai pelengkap kepada teori dan falsafah sosial anjuran Marx, Lenin menyusun garis dan strategi perjuangan dan pelan tindakan Parti Komunis Russia untuk mencapai apa yang dianjurkan oleh Marx. Lenin menekankan peranan dan kekuatan Parti Komunis Russia untuk menggerakkan kebangkitan kelas

pekerja di samping melancarkan revolusi komunis untuk menumbangkan kapitalisme dan imperialisme. Lenin menekankan teorinya bahawa imperialisme ialah tahap tertinggi yang telah dicapai oleh kapitalisme. Oleh itu, parti komunis perlu berhadapan dengan kedua-dua kapitalisme dan imperialisme (yang bermaksud apabila sebuah kuasa kapitalis menguasai dan menjajah negeri dan masyarakat lain atas kepentingan kelas pemodalnya) bagi menumbangkan kedua-duanya dan untuk melahirkan masyarakat sosialis dan komunis.

Sejak 1949, iaitu sejak Mao Zedong berjaya memimpin Parti Komunis China melancarkan revolusi bersenjata dan seterusnya menguasai pemerintahan negara China, hingga pada tarikh kematiannya pada 1976, pemikiran beliau telah ditambah kepada ideologi Marxisme-Leninisme. Oleh itu, ketika PKM melancarkan gerakan bersenjata menentang kekuasaan Jepun dan Inggeris, dan seterusnya berperang dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia, teori, falsafah dan strategi politik dan militer yang berteraskan Marxisme-Leninisme-Maoisme adalah ideologi yang dijadikan prinsip dan panduan. Tidak dapat dinafikan bahawa PKM lebih intim dengan Maoism memandangkan bahawa sebahagian besar anggota PKM ialah berketurunan Cina, dan para pemimpin utamanya juga ialah orang berketurunan Cina. Chin Peng ialah pemimpin *de facto* PKM sejak 1943, selepas Lai Tek, pemimpin PKM waktu itu menghilangkan diri. Namun begitu, PKM telah menubuhkan satu rejimen tenteranya (daripada 12 Rejimen kesemuanya) yang dianggotai secara konsepnya oleh orang-orang Melayu (berasal daripada Tanah Melayu dan Patani) seperti Musa Ahmad, Shamsiah Fakeh dan suaminya, Ibrahim Mohamad, yang menjalankan tugas untuk PKM ketika bermastautin di Beijing. Oleh itu, tidak dapat dinafikan juga bahawa PKM mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Parti Komunis China.

Mao Zedong, Pengerusi Parti Komunis China, antara lain pernah menekankan bahawa kuasa (bagi Parti Komunis) tumbuh membesar daripada laras senjata. Oleh itu, beliau menekankan perlunya parti komunis berhadapan dengan situasi perang kerana peperangan ialah satu cara untuk menyelesaikan kontradiksi permusuhan yang dianggapnya tercetus di bawah kapitalisme, terutamanya kapitalisme kolonial dan imperialisme. Dalam konteks senario di Tanah Melayu dalam dekad 1940-an dan 1950-an, berdasarkan perspektif PKM, kontradiksi permusuhan ini tercetus kerana penjajahan Inggeris, penjajahan Jepun, penjajahan Inggeris sekali lagi (selepas tamat Perang Dunia Kedua), dan penubuhan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dianggapnya meneruskan kapitalisme warisan penjajah. Oleh itu, kuasa kolonial Jepun dan British, dan kerajaan Tanah Melayu yang merdeka perlu dilawan dengan menggunakan kekuatan senjata. Ternyata bahawa garis perjuangan Parti Komunis China dijadikan teladan oleh PKM, iaitu untuk merampas kuasa menggunakan laras senjata.

#### 4. Memoir Tokoh Melayu dalam PKM

Sejak awal dekad 2000-an, memoir beberapa tokoh penting Melayu dalam pergerakan PKM telah diterbitkan. Antaranya adalah buku *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari Awas ke Rejimen Ke-10* (2004), *Memoir Ibrahim Chik: Dari Api ke Rejimen Ke-10* (2004), *Memoir Rashid Maidin: Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian* (2005) dan *Memoir Abdullah C.D.* (2009, paling panjang dan mengandungi tiga bahagian). Kesemua memoir ini diterbitkan di Malaysia. Sebelum memoir ini diterbitkan, buku Abdullah C.D. yang bertajuk *Perang Anti-British dan Perdamaian* (1998) telah terlebih dahulu terbit di Hong Kong. Selepas itu, mantan pemimpin utama Parti Komunis Malaya, iaitu Chin Peng (dalam kesemua memoir yang tersebut di atas ejaan namanya berubah menjadi Chen Ping) telah menerbitkan bukunya yang bertajuk *My Side of History* (2003) di Singapura.

Buku mengenai pergerakan Parti Komunis Malaya memang telah banyak diterbitkan sebelum 1989, iaitu sebelum PKM berdamai dengan kerajaan Thailand dan Malaysia, dan para pembaca dapat memahami latar belakang sosial, politik, ekonomi dan sebagainya yang merupakan latar belakang kepada kegiatan dan pergerakan mereka. Buku yang ditulis oleh Gene Z. Hanrahan (1971), Anthony Short (1975), Kho Kay Kim & Adnan Nawang (pnyt. 1984), Aloysius Chin (1995), C.F. Yong (1997), Raj (2000), Ho Hui Ling (2004), dan Mohamed Salleh Lamry (2006) memberikan gambaran umum berkaitan dengan gerakan PKM. Namun begitu, pembaca memoir ini berkesempatan memahami kisah perjuangan politik segelintir orang kanan pergerakan PKM dan dapat menyelami isi hati serta perenggu minda mereka. Ini kerana memoir tersebut ditulis oleh mereka tanpa merasakan perlu berselindung atau merahsiakan perincian kegiatan mereka yang telah berlalu.

PKM ditubuhkan pada 1930, melancarkan gerakan perang gerila berpandukan idologi Marxisme-Leninisme-Maoisme, melawan pemerintahan Jepun (1942-1945), menentang kuasa penjajah Inggeris

serta sistem kapitalisme kolonial di Tanah Melayu (sejak 1946 hingga 1957), dan menentang pemerintahan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka sejak 1957. PKM telah menamatkan gerakan perang bersenjata pada 1989 menerusi perjanjian perdamaian dengan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand.

## 5. Minda Rashid Maidin

Rashid Maidin ialah salah seorang pemimpin penting PKM. Beliau dilahirkan pada 1917 di Kampung Gunung Mesah, Gopeng, Perak. Anak keluarga miskin ini menerima pendidikan sekolah rendah dan agama Islam di kampungnya. Setelah berjaya melanjutkan pelajaran sambil bekerja di beberapa buah syarikat perlombongan timah, mulai 1938, beliau bekerja sebagai *electrical chargeman* dengan gaji yang agak tinggi ketika itu. Pada usia 17, tahun Rashid Maidin berkahwin dengan seorang wanita Melayu bernama Hamidah dan dikurniakan empat orang anak. Pada 1941, setelah bertemu seorang kader PKM (Toh Lung San atau nama samarannya Lai Raifel) seorang pemuda Tionghua, di tempat kerjanya, beliau mula tertarik hati dengan soal politik dan nasionalisme menentang penjajahan Inggeris, dan kemudiannya, kuasa militer Jepun yang menakluk Tanah Melayu. Mulai tahun itu juga beliau bergiat cergas dalam pergerakan kesatuan buruh di kalangan para pekerja lombong bijih timah. Menurut Beliau:

Dari saat itulah saya mula merasa benci terhadap pegawai-pegawai British yang mengendalikan syarikat perlombongan tempat saya bekerja. Saya tidak lagi menyebut "Sir" atau "good morning" dan tanda hormat lain apabila bertemu dengan pegawai-pegawai itu (Rashid Maidin, 2005: 15).

Pada tahun 1941 itu juga Rashid Maidin diterima menjadi anggota PKM. Beliaulah orang Melayu pertama yang menjadi anggota PKM di Tanah Melayu. Apabila Jepun berjaya mengalahkan dan menggantikan British sebagai pemerintah Tanah Melayu (1942-1945), Rashid Maidin meneruskan pekerjaannya sebagai *foreman* di sebuah syarikat perlombongan yang telahpun dikuasai oleh pelombong Jepun, walaupun Rashid Maidin telah tahu bahawa Jepun ketika itu ialah satu kuasa penjajah yang dimusuhi oleh PKM. Namun demikian, hubungannya dengan PKM diteruskannya juga, menurutnya kerana sebagai forman, dia boleh menyemaikan perasaan anti-Jepun dalam kalangan para pekerja lombong, iaitu sikap yang selari dengan pendidikan PKM sendiri.

Setelah Jepun menyerah kalah dan pihak Inggeris datang kembali ke Tanah Melayu meneruskan penjajahannya, parti komunis dan organisasi politik kiri Melayu yang ditubuhkan dalam tahun 1945 telah menyemarakkan api perjuangan menuntut kemerdekaan. Pada 1945 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah ditubuhkan atas usaha Mokhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan ramai lagi orang-orang Melayu yang beraliran kiri. Sebagai seorang anggota PKM, Rashid Maidin juga turut memberikan sokongan dan bantuan kepada pergerakan PKMM. Rashid Maidin terlibat dalam menerbitkan akhbar *Suara Rakyat*, iaitu akhbar rasmi PKMM. Pendeknya, antara tahun 1945 hingga Jun 1948, Rashid Maidin begitu aktif dalam kegiatan politik kiri yang dirancangkan oleh PKM, PKMM dan organisasi politik kiri yang lain. Pada 1947 Chin Peng telah mengarahkan Rashid Maidin bersama Wu Tien Wang dan Balan menghadiri Persidangan Parti-Parti Komunis Komanwel di London. Pada Jun 1948, beliau, Abdullah C.D. dan sekumpulan kader komunis Melayu telah menjalani latihan politik dan ketenteraan, selama dua minggu, di sekolah PKM Kem Se-Malaya di Kampung Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang. Setelah itu, semua kader yang telah dilatih dan diterima sebagai anggota PKM diarahkan pulang ke kampung untuk menunggu arahan PKM selanjutnya. Pada penghujung Jun 1948 juga Rashid Maidin telah ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa Inggeris atas tuduhan menjadi anggota PKM yang diharamkan oleh Undang-Undang Darurat yang baru saja dikuatkuasakan. Rashid Maidin dipenjarakan di Taiping, Pulau Jerejak dan Melaka meliputi tempoh selama lima tahun setengah. Dalam tempuh tersebut ramai rakan seperjuangan beraliran kiri turut dipenjara termasuklah Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad. Setelah sekian lama dalam penjara, Rashid Maidin mencari peluang untuk membebaskan dirinya:

Jadi, tidak hairanlah kiranya saya sentiasa memikirkan untuk melepaskan diri dari cengkaman pihak berkuasa penjajah British itu. Saya tidak mahu mati dalam kem tahanan, saya tidak mahu kojol dalam penjara. Terasa jijik kalau mati di situ. Rugi tenaga dan rugi nyawa sahaja. Kalau mati, biarlah mati bermakna. Mati dalam pertempuran, kena tembak atau kena bom menentang musuh nusa dan bangsa – penjajah British (Rashid Maidin, 2005: 44).

Apa yang diungkapkannya dalam memoirnya ini membayangkan beberapa perkara penting yang menjadi teras perenggu mindanya. Pertama, kebenciannya terhadap kuasa kolonial British sangat tebal, dan pendiriannya bahawa perlawanannya bersenjata ialah pilihannya yang terbaik. Kedua, dia tidak ingin membazirkan tenaga dan nyawanya dalam penjara pihak berkuasa British. Ketiga, dia tidak takut mati, terutamanya kematian kerana perjuangan yang bermakna kepadanya. Lagi pun, jika dia berjaya melepaskan diri dan disedari oleh Askar Melayu yang mengawal kawasan tahanan, pada fikirannya, Askar Melayu tidak akan menembak pejuang Melayu sepertinya (Rashid Maidin, 2005: 45).

Rashid Maidin berpeluang melarikan diri daripada kem tahanan ketika dia diarahkan bekerja membina sebuah balai polis di luar kawasan tahanannya pada 1952. Setelah melepaskan diri, beliau mengambil masa setahun untuk berjalan meredah hutan belantara dan keluar-masuk kampung, diiringi beberapa pasukan tentera PKM untuk sampai ke Bentong, Pahang, bertemu Chin Peng (Chen Ping). Rashid Maidin dipilih menjadi salah seorang anggota Markas Besar Rejimen Ke-10. Setelah ditugaskan memimpin satu unit yang terdiri daripada sekumpulan 12 orang anggota PKM bagi melaksanakan kerja politik, beliau telah ditugaskan memimpin satu kompeni anggota tentera PKM yang mengandungi tiga platoon dengan anggotanya berjumlah kira-kira seratus orang. Dalam konteks gerakan militer tahun 1952-53, Rashid Maidin berpendapat:

Perang, serang dan pertempuran tidak menjadi masalah. Itu sememang dinantikan oleh para perajurit yang mempunyai semangat berkobar-kobar (Rashid Maidin, 2005: 57).

Setelah itu kesemua mereka bergerak menuju kawasan Semantan, Temerloh, Pahang. Sepanjang tahun 1954 Rashid Maidin dan Rejimen Ke-10 melaksanakan apa yang disebut sebagai "perpindahan strategik ke-Utara", iaitu berpindah beramai-ramai dengan cara berjalan kaki secara bergerila menerusi hutan Pahang dan Perak untuk membuka perkembungan baru di kawasan selatan Thailand. Ini dilakukan kerana dari segi strategi perang gerila, PKM merasakan bahawa kawasan sempadan Malaysia-Thailand ialah satu kawasan yang berpotensi memberikan perlindungan strategik kepada mereka.

Rashid Maidin ialah orang kepercayaan Chin Peng. Ketika pihak berkuasa kolonial bersetuju supaya rundingan diadakan antara kumpulan Tunku Abdul Rahman dengan kumpulan yang mewakili PKM, Rashid Maidin telah dipilih mengiringi Chin Peng dan Chen Tien. Abdullah C.D., iaitu 'komisar' Rejimen Ke-10 PKM tidak dipilih oleh Chin Peng. Dalam rundingan damai di Pulau Phuket dan Hatyai pada 1989, sekali lagi Rashid Maidin dipilih sebagai wakil PKM bersama dengan Chang Ling-Yun (ketua) dan Zainun (nama asalnya ialah Ah Yan).

Sebagai seorang pemimpin Rejimen Ke-10, Rashid Maidin turut bertanggungjawab menjaga disiplin anggota PKM. Menurut beliau:

Berdisiplin sangat-sangat dikehendaki. Kalau ada yang liar itu, kita perhatikan sangat. Ada juga yang dapat lari keluar. Kalau dapat kita basmi, kita basmi dengan segera....Jika sah telah melanggar disiplin yang menggugat keselamatan tentera gerila, apakah lagi berhubung atau cuba berhubung dengan perisik musuh – hantu-hantu ini terpaksa kita bunuh saja (Rashid Maidin, 2005: 58).

Walau bagaimana pun Rashid Maidin tidak menyebutkan jumlah anggota PKM yang dibunuhnya, terutamanya pada 1967 ketika Abdullah C.D. dan isterinya, dan beberapa orang lagi diracun oleh musuh dalam selimut PKM. Ekoran daripada peristiwa termakan racun inilah bermulanya pergeseran kepimpinan dalam PKM yang menyebabkan Shamsiah Fakeh dan suaminya Ibrahim Mohamad dipecat oleh PKM. Musa Ahmad, Pengerusi pertama PKM (1956-68), juga dikenakan tindakan disiplin, walaupun tidak dipecat. Pada 1980 Musa Ahmad berjaya melarikan diri daripada kawalan PKM di Beijing dan pulang menyerah diri kepada pihak Kerajaan Malaysia.

Dalam memoirnya, Rashid Maidin menyentuh sedikit tentang Musa Ahmad. Inti pati mengenai Musa Ahmad, mengikut pandangan Rashid Maidin bahawa Musa Ahmad ialah seorang yang tidak berpendirian, tidak mempunyai semangat yang teguh, malah takut mati. Rashid Maidin menceritakan apa yang pernah dikatakan oleh Musa Ahmad pada 1954:

Pernah sekali saya dan Musa berbual-bual soal perjuangan dan lain-lain. Musa membayangkan fikirannya dengan mengatakan, "Saya bersedia kena peluru seperti

Datuk (perkataan “Datuk” di sini tidak jelas maksudnya). Asalkan jangan mati sudahlah”. Mendengar kata-katanya itu mulut saya tidak membantah, tetapi hati saya amat memandang rendah kerana sesiapapun yang sudah masuk hutan memanggul senjata melawan penjajah British bererti rela mengorbankan segala-gala termasuk jiwa raga untuk kemerdekaan tanah air. Itulah kemuliaannya. Tapi, Musa sebagai seorang pemimpin pasukan sangatlah tidak patut berfikiran begitu. Di hadapan Musa, saya hanya berseloroh dengan mengatakan, “Siapa yang nak pilih mati, tapi perjuangan ini kusut masai, pengorbanan akan menjadi perkara lumrah dalam perjuangan” (Rashid Maidin, 2005: 65).

Berbanding dengan Musa Ahmad yang tidak disenanginya, Rashid Maidin mempunyai hubungan rapat dengan Abdullah C.D. Rashid Maidin menghormati Abdullah C.D. kerana keberaniannya ‘bermandi darah’ dalam perjuangannya. Menurut Rashid:

Walaupun Abdullah C.D. ini muda enam tahun daripada saya, tetapi dia lah seorang yang dianggap senior daripada saya kerana beliau bermandi darah bersama gerila Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya menentang fasis Jepun (Rashid Maidin, 2005: 21).

Walaupun terlibat melakukan keganasan terhadap orang awam, harta benda anggota masyarakat yang tidak bersalah dan tidak perlu dimusuhi, dan juga mengganggu serta merosakkan kemudahan-kemudahan awam (seperti perkhidmatan kereta api, bekalan elektrik), terutamanya dalam tempoh Darurat, Rashid Maidin berpendapat bahawa PKM berperanan besar sehingga Inggeris bersedia memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Menurutnya, tanpa perjuangan bersenjata yang dilancarkan oleh PKM, kuasa kolonial Inggeris tidak akan memberikan kemerdekaan dan menyerahkan kuasa pemerintahan Tanah Melayu kepada parti Perikatan (gabungan UMNO, MCA dan MIC) pada 1957. Rundingan ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman bermula pada 1956, iaitu selepas Perundingan Baling pada Disember 1955 itu, gagal. Menurut Rashid Maidin:

Namun tidak dapat dinafikan bahawa Tunku itu pun licik orangnya. Selepas Perundingan Baling dia langsung tidak mencerca kami. Selama dua tahun, sementara menanti Rundingan Kemerdekaan di London, Tunku langsung tidak menghasut, menentang dan memfitnah kami. Jadi, kekuatan bersenjata kami itu digunakan juga sebagai senjata oleh Tunku apabila bersemuka dengan Kerajaan British dalam menuntut kemerdekaan Malaya (Rashid Maidin, 2005: 79).

Rashid Maidin tanpa bukti mendakwa bahawa tanpa desakan dan tekanan militer PKM, pihak British tidak mungkin memberikan status kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 1957 ke tangan UMNO, MCA dan MIC yang bergabung di bawah Parti Perikatan. Oleh itu, menurut Rashid Maidin, PKM juga berhak mendapat pengiktiraf sebagai pihak yang memberi sumbangan besar dalam menamatkan penjajahan di Tanah Melayu. Katanya:

Jelaslah, bahawa kemerdekaan tersebut adalah hasil bersama seluruh rakyat Malaya daripada berbagai-bagai parti dan pertubuhan yang memperjuangkan kemerdekaan. Ia disirami oleh darah pejuang kemerdekaan dari Tentera Pembebasan Nasional Malaya dan Parti Komunis Malaya (Rashid Maidin, 2005: 86).

Rashid Maidin menyalahkan Tunku Abdul Rahman atas kegagalan Rundingan Baling 1955, antara PKM dan kumpulan parti politik kanan yang dipimpinan oleh Tunku. Tunku mahu supaya PKM meletakkan senjata dan dibubarkan. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Chin Peng. Oleh itu, PKM meneruskan perlawanan bersenjatanya yang berpangkalan di selatan Thailand ketika itu. Apabila Tunku menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu (1957-1970), dasar memusuhi dan memerangi PKM diteruskan. Dasar yang sama diteruskan pula oleh Perdana Menteri seterusnya, iaitu Tun Abdul Razak (1970-1976), Tun Hussein Onn (1976-1981), dan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003). Menurut Rashid Maidin:

Kerajaan Dr. Mahathir yang berkuasa kemudiannya nampaknya faham bahawa jika meneruskan strategi penjajah itu, pembangunan negara akan terganggu, ekonomi tidak dapat berkembang dan negara tidak mungkin dapat mengisi kemerdekaan dengan sempurna (Rashid Maidin, 2005: 87).

Ketika Rashid Maidin melihat sendiri bagaimana komunisme telah tumbang, namun dia masih berpegang pada pendirian bahawa perjuangannya bersama PKM itu ialah satu perjuangan yang mulia. Oleh itu, dia tidak dapat menerima hakikat bahawa PKM telah kalah dalam perjuangannya. Menurutnya:

Pada saya sumbangan kami menentang penjajahan Jepun dan British tidak payah dinilai. Tetapi janganlah pula nilai kami rendah sekali sehingga menghina. Bagi kami dari PKM dan Tentera Pembebasan Nasional Malaya (TPNM) yang telah ditukar namanya menjadi Tentera Rakyat Malaya (TRM), menyerah diri itu hina sekali, separuh menyerah diri pun kami tidak mahu. Anggaplah kami manusia biasa, rakyat Malaysia yang mempunyai hak pegangan politik dan yang telah berjuang bermandi darah menentang penjajah. Konflik selepas merdeka itu satu tragedi warisan penjajahan British yang kini kita sama-sama menamatkannya (Rashid Maidin, 2005: 92).

Ungkapan “berhak mempunyai pegangan politik” dan “berjuang bermandi darah menentang penjajah” ialah inti pati kepada perenggu minda Rashid Maidin yang dipertahankan hingga ke akhir hayatnya. Beliau meninggal dunia pada 2006 di tempat permastautinnya di Yaha, wilayah Yala, selatan Thailand. Dia meninggal dunia sebagai seorang komunis yang tidak mengaku kalah.

## 6. Minda Abdullah C.D.

Abdullah C.D., dilahirkan pada 1923 di Parit, Perak. Beliau ialah pemimpin *de facto* Rejimen Ke-10, PKM. Setelah Perjanjian Damai Hatyai 1989, beliau telah menghasilkan tiga bahagian memoirnya, iaitu *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Pertama): Zaman Pergerakan Sehingga 1948* (2005), *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Kedua): Penaja dan Pemimpin Rejimen Ke-10* (2008), dan *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Ketiga): Perjuangan di Sempadan dan Penamatan Terhormat* (2009). Memoir ini mengandungi cerita sebenar PKM daripada kaca mata pengasas dan pemimpin Rejimen Ke-10, PKM yang sebelum ini tidak diketahui oleh para pengkaji.

Abdullah C.D. ialah seorang penulis yang prolifik. Dalam dekad 1980-an, beliau menerbitkan lapan buah manuskrip hasil tulisan yang dimulakan sejak 1940-an lagi. Kesemua manuskrip ini diterbitkan oleh Pejabat Pembebasan, Rejimen Ke-10, PKM (juga disebut sebagai Jabatan Politik Rejimen Ke-10). Manuskrip tersebut seperti *Malaya Pada Zaman Feudal* (1982), *Perkembangan Masyarakat Tanah Melayu dan Patriotisme* (1984), *Strategi Penjajah British Untuk Menguasai Malaya* (1984), *Perang Patriotik dan Perang Tani Melayu Melawan Penjajah* (1984), *Perang Anti-British Hingga Kemerdekaan 1957* (1985), *Perang Patriotik dan Perang Revolusioner* (1988), *Sumbangan Penting dan Sejarah yang Mulia* (1989), dan *Api Perang Berterbangan* (1989). Pada penghujung dekad 1990-an, dua buah buku hasil tulisan Abdullah C.D. telah diterbitkan oleh Nan Dao Publisher di Hong Kong, iaitu *Perang Anti-British dan Perdamaian* (1998), dan *Darurat dan Kemerdekaan: Memperingati 50 Tahun Darurat di Tanah Melayu* (1998).

Kesemua karyanya ini jelas menggambarkan bahawa Abdullah C.D. menggabungkan pengetahuannya tentang sejarah Tanah Melayu dengan sikap politik antikolonialnya, dan kemudiannya dengan ideologi Marxisme-Leninisme-Maoisme sebagai landasan perenggu minda politiknya yang kiri dan radikal. Beliau memimpin Rejimen Ke-10, Tentera Pembebasan Nasional Malaya (TPNM) sebagai satu pasukan tentera PKM, sejak penubuhannya pada 1949 hingga ke tahun 1989.

Kesedaran nasionalisme tumbuh dalam mindanya kerana dia memahami kisah perjuangan Datuk Maharaja Lela menentang kuasa kolonial di Perak, setelah Perjanjian Pangkor 1874 dipaksakan oleh Inggeris. Kisah pembunuhan J.W.W. Birch, iaitu Residen Inggeris pertama di Perak, oleh para pengikut Datuk Maharaja Lela, dan kemudiannya, setelah kuasa kolonial Inggeris menghukum Datuk Maharaja Lela dan para pengikutnya telah mencambahkan sikap anti-kolonialnya yang mendalam. Tidak lama selepas Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan oleh Ibrahim Yaacob pada 1938, Abdullah C.D. turut menganggotainya. KMM ialah sebuah pertubuhan politik beraliran ‘kiri’ (bukan Marxist-Leninist) yang ditubuhkan bertujuan menyatukan kekuatan politik Melayu menentang penjajahan Inggeris dan berjuang ke arah pembentukan Melayu Raya (gabungan Tanah Melayu dan Indonesia).

Abdullah C.D. mempelajari tentang politik dan nasionalisme daripada seorang pelarian aktivis politik daripada Indonesia (Pak Inu) yang meminjamkannya buku-buku karya aktivis politik kiri Indonesia,

khususnya Tan Melaka, dan menghuraikan persoalan mengenai penjajahan dan kemerdekaan (Abdullah C.D., 2005: 18). Setelah itulah minatnya menyertai KMM tidak dapat dibendung lagi.

Walaupun KMM bergiat menentang penjajahan Inggeris, dan kemudiannya bekerjasama dengan kuasa Jepun untuk mengalahkan kuasa Inggeris, pada 1942 KMM telah diharamkan dan dibubarkan oleh kuasa Jepun di Tanah Melayu. Hal ini telah memulakan penentangan permusuhan golongan kiri terhadap pihak berkuasa Jepun. Abdullah C.D. telah menyertai Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun (Malayan People's Anti-Japanese Army, MPAJA) dan seterusnya diterima menjadi anggota PKM. Keyakinannya kepada garis perjuangan PKM mendorongnya untuk menceraikan isteri yang baru saja dikahwininya dan meninggalkan kampung halamannya. Menurut Abdullah C.D.:

Saya rasa revolusi yang dianjurkan oleh PKM mempunyai harapan yang cerah untuk merebut kemerdekaaan. Tetapi anggota parti komunis masa itu kebanyakannya terdiri daripada orang Tionghua. Orang Melayu yang telah sedar atau progresif menyertai KMM berjuang untuk kemerdekaan tanah air...Oleh itu saya rasa orang Melayu haruslah mencontohi orang Tionghua, bekerjasama melancarkan perjuangan untuk kemerdekaan seperti orang Indonesia yang bekerjasama melancarkan revolusi menentang Belanda. Kini orang komunis telah berjaya membangkitkan semangat revolusi di kalangan orang Tionghua. Saya berazam dalam diri untuk menyedarkan orang Melayu bangun berevolusi, berganding bahu dengan kaum-kaum lain untuk kemerdekaan. Ketika inilah saya membuat keputusan untuk ikut serta dalam perjuangan melawan Jepun di bawah pimpinan PKM. Untuk cita-cita inilah saya menutup kedai dan menceraikan isteri, meninggalkan keluarga dan segala-galanya (Abdullah C.D., 2005: 43-44).

Pada Mei 1945, Abdullah C.D. diterima menjadi anggota PKM. Apabila kuasa Jepun dikalahkan pada Ogos 1945, golongan kiri Melayu telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di bawah pimpinan Mokhtaruddin Lasso (kemudiannya dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Ishak Haji Muhammad). Abdullah C.D. adalah wakil PKM yang menghadiri hampir setiap pertemuan anjuran PKMM, sehinggalah parti ini (PKMM) diharamkan oleh kuasa Inggeris pada 1948.

Sejak menyertai PKM, Abdullah C.D. memperlihatkan bakat kepimpinan yang memberangsangkan Chin Peng, iaitu pemimpin *de facto* PKM, dan memberikan kepercayaan kepadanya untuk menubuhkan sebuah rejimen tentera yang dikenali sebagai Rejimen Ke-10, Tentera Pembebasan Nasional Malaya di bawah PKM. Sebagai komisar politik dan pemimpin Rejimen Ke-10, Abdullah C.D. memperlihatkan kebolehannya menyusun strategi pergerakan tenteranya serta menyusun barisan kepimpinan Rejimen Ke-10.

Dalam memoirnya bahagian pertama (2005), Abdullah C.D. menceritakan tentang kegiatannya dalam PKM sejak 1945 hingga 1948, iaitu ketika PKM bergerak bebas secara terbuka. Beliau adalah wakil PKM dalam mesyuarat anjuran PKMM. Dalam jangka masa ini Abdullah C.D. menumpukan kegiatannya kepada usaha bekerjasama dengan PKMM dan membangunkan pengaruh dalam organisasi buruh, terutamanya di Perak dan Selangor, khususnya Kuala Lumpur. Dalam pergerakan buruh, Abdullah C.D. pernah menyandang jawatan Ketua Kesatuan Buruh Melayu Selangor, Ketua Kesatuan Buruh Melayu Malaya, dan Naib Penggerusi Pan Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU), iaitu gabungan kesemua organisasi buruh di Tanah Melayu ketika itu. PMFTU turut diharamkan ketika pihak berkuasa kolonial Inggeris menguatkuasakan Undang-undang Darurat pada 1948.

Memoir ini juga menceritakan tentang skop kesedaran politik Abdullah C.D. yang luas dan bukan sahaja meliputi kegiatannya dalam Kesatuan Melayu Muda, Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya, Parti Komunis Malaya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya, Kesatuan Buruh Melayu Selangor, Kesatuan Buruh Melayu Malaya, dan Pan Malayan Federation of Trade Unions. Beliau juga terlibat secara tidak langsung memberikan bantuan dan sokongan kepada pergerakan revolusi komunis di Vietnam dan Indonesia. Beliau terlibat secara langsung dengan penubuhan Sekolah Marxis Malaya untuk mengajar orang Melayu tentang Marxisme.

Pada 1955, setelah markas Rejimen Ke-10 selesai berpindah dan menetap di selatan Thailand, Abdullah C.D. telah melangsungkan perkahwinannya dengan seorang wanita Cina bernama Eng Ming Ching yang menggunakan nama Melayu, iaitu Suriani binti Abdullah. Eng Ming Ching ialah anggota PKM sejak 1940 (ketika berusia 17 tahun), dan pernah berkahwin dengan seorang tokoh PKM bernama Lai

Raifel yang kemudiannya terkorban di tangan tentera Jepun. Setelah berganding bahu menjalankan gerakan dalam PKM selama kira-kira sepuluh tahun, mereka menjadi suami isteri. Mereka berdua merupakan pasangan suami isteri yang sangat berkuasa dalam Rejimen Ke-10 PKM. Sebagai ketua Rejimen Ke-10, Abdullah C.D. menerima anggota PKM daripada keturunan Cina menganggotai rejimen tersebut asalkan mereka menggunakan nama samaran Melayu. Kisah ini disentuh dalam bahagian ketiga *Memoir Abdullah C.D.* (2009).

Abdullah C.D. banyak menceritakan tentang perselisihan pendapatnya dengan Musa Ahmad. Berbeza dengan hubungan intimnya dengan Rashid Maidin dan Ibrahim Chik; Abdullah C.D. menganggap Musa Ahmad sebagai anggota PKM yang menghalang usahanya (Abdullah C.D.) untuk memperteguhkan pergerakan Rejimen Ke-10 di selatan Thailand. Musa Ahmad seringkali tidak bersetuju dengan langkah yang ingin diambil oleh Abdullah C.D. Oleh itu, pada 1955, Abdullah C.D. (kerana kuasa *de factonya*) membuat keputusan untuk menghantar Musa Ahmad dan isterinya belajar, berubat dan bertugas di Beijing (ini menunjukkan Abdullah C.D. sangat berkuasa dalam PKM). Pada 1968, Jawatankuasa Pusat PKM telah membuat keputusan melucutkan semua jawatan Musa Ahmad dalam PKM (termasuk jawatan Pengurus PKM) kerana beliau telah mengkritik kepimpinan PKM, khususnya kepimpinan Abdullah C.D. dan Rashid Maidin. Musa Ahmad dan isterinya tinggal di Beijing hingga pada tahun 1980. Pada tahun tersebut mereka menyerah diri kepada kerajaan Malaysia dan dibawa pulang ke Kuala Lumpur pada 1981. Penyerahan diri Musa Ahmad dan isterinya telah menimbulkan kemarahan memuncak Abdullah C.D. dan Rashid Maidin. Sebagai pemimpin Rejimen Ke-10, mereka berdua mengeluarkan pernyataan akan kemarahan mereka dengan menggunakan bahasa paling kesat. Kata-kata kesat ini diulang berkali-kali dalam bahagian ketiga *Memoir Abdullah C.D.* (2009), iaitu:

1. Komplotan jahat Musa Ahmad dan tujuan reaksionernya ialah hendak merosaki usaha rakyat semua bangsa negara kita dan rakyat sedunia dalam menentang hegemonisme (ms. 149).
2. Tapi si pengkhianat Musa Ahmad dengan kejinya telah menghapuskan kenyataan sejarah ini, ia menyebarkan tohmah-tohmah liar, memfitnah parti kita kononnya mengikuti arahan Parti Komunis Tiongkok (ms. 151).
3. ...Si pengkhianat Musa Ahmad memutar belitkan kenyataan dan memperelok-elokkan Kerajaan Kuala Lumpur pula (ms. 151).
4. Si pengkhianat Musa Ahmad dengan gila-gilaan menyerang perjuangan bersenjata revolucioner dan memfitnah secara keji Tentera Pembelaan Nasional sesuai dengan keperluan kaum hegemonisme Soviet-Vietnam (ms. 154).
5. Si pengkhianat Musa Ahmad membora konon Perang Pembelaan Nasional Anti-British yang dilancarkan oleh rakyat negara kita bukan lanjutan perang-perang patriotik kaum tani dalam sejarah negara kita (ms. 154).
6. Si pengkhianat Musa Ahmad memfitnah bahawa "perjuangan bersenjata tidak mendapat sokongan rakyat", "perjuangan itu pasti akan gagal" (ms. 155).
7. Si pengkhianat Musa Ahmad juga memfitnah puluhan ribu pahlawan bangsa yang dengan perwira menyumbangkan jiwa dan raga mereka yang berharga demi kemerdekaan tanah air dan pembelaan nasional sebagai berkorban tanpa makna (ms. 156).
8. Dengan niat jahat si pengkhianat Musa Ahmad mengatakan konon, dia ingin memujuk bekas rakan-rakan seperjuangannya dari Rejimen Sepuluh Tentera Pembelaan Nasional supaya menyerah diri mengikut jejak langkahnya. Ini adalah mimpi di siang hari bolong (ms. 157).
9. Perbuatan Musa Ahmad tersebut menunjukkan betapa pengecut dan hinanya dia (ms. 157).
10. Musa Ahmad telah mengkhianati parti dan menentang revolusi, tapi dia dengan muka papan berkata konon dia ingin menyelamatkan rakan-rakan seperjuangannya? Pengkhianat adalah anjing kepala buruk dan dinajiskan dan sampah sejarah (ms. 159).
11. Pengakuhan Musa Ahmad penuh dengan dusta, hanya sedikit saja yang benar. Misalnya, kawan Abdullah C.D. pernah mendidik dia dan membawa dia ke dalam revolusi, itu memang benar. Tetapi Musa Ahmad berada dalam pasukan bersenjata hanya beberapa tahun saja, dia tidak pernah mengarahkan pertempuran, dia tidak memerhatikan pengubahannya ideologinya. Selama belajar di luar negeri, dia suka hidup bersenang-senang. Dalam suatu masa yang panjang, dia tidak mahu belajar dengan bersungguh-sungguh, lebih-lebih lagi dia tidak mahu mengubah ideologinya dengan dalih dia berpenyakit. Justeru itu wataknya yang keji kian hari kian berkembang. Dia tidak berani dan enggan pulang ke tanah air untuk menyertai perjuangan bersenjata yang susah payah. Dalam tahun 1967-68, kerana dia menganggap ada peluang terbuka baginya (ketika itu Abdullah C.D. terkena racun), maka dia pun muncul sebagai pelampau kiri dan melakukan kegiatan anti-parti dengan siasat

- bermuka dua untuk merampas pimpinan Jawatankuasa Pusat Parti. Ini mendedahkannya sebagai orang ambisius politik (ms. 164).
12. Rupa hodoh Musa Ahmad selaku orang ambisius yang bermuka dua mengalami satu proses pendedahan....Itulah seluruh proses kemerosotannya menjadi pengkhianat yang bermuka tembok (ms. 165).

Ini ialah bahasa kesat dan kasar yang diguna pakai oleh PKM sama seperti yang diguna pakai oleh pemimpin radikal dan revolusioner parti komunis seluruh dunia dalam dekad 50-an hingga penghujung 80-an. Dalam bahagian ketiga *Memoir Abdullah C.D.* (2009), Abdullah C.D. memuatkan sepenuhnya tulisannya yang mengkritik dan menghina Musa Ahmad. Dia tidak mahu berselindung sedikit pun tentang sikap bencinya terhadap Musa Ahmad yang dirasanya ingin merampas kepimpinan PKM daripadanya (ketika Abdullah C.D. menderita terkena racun pada 1967).

Dalam memoirnya yang sama Abdullah C.D. membayangkan kenapa PKM dapat bertahan lama meneruskan perang mereka terhadap kerajaan Malaysia. Ini kerana PKM tidak bermusuhan dengan kerajaan Thailand yang menyebabkan tentera Thai tidak sering menyerang pangkalan PKM di selatan negara tersebut. Katanya:

Kerajaan Thai dan tentera Thai bukan musuh kami. Polisi kami ialah tidak campur tangan urusan dalam negeri Thai. Tapi sebagai sebuah pasukan tentera yang sedang melancarkan perjuangan, kami memerlukan kawasan basis dan pangkalan untuk meneruskan perjuangan (Abdullah C.D., 2009: 225).

Tajuk kecil bahagian ketiga *Memoir Abdullah C.D.* (2009) ini berbunyi "Perjuangan di Sempadan dan Penamatan Terhormat". Ini membayangkan apa yang terpendam teguh pada lubuk hatinya, iaitu beliau sebagai pemimpin penting Rejimen Ke-10 yang merasakan dirinya sangat berani dan tidak takut mati berjaya menamatkan perjuangannya secara terhormat. Beliau menyebutkan dalam memoirnya bahawa dia adalah yang mencadangkan kepada PKM supaya mencari satu cara baru untuk memulakan jalan perundingan dengan kerajaan Malaysia. Setelah dipersetujui oleh kumpulan pemimpin Rejimen Ke-10, beliau mencari jalan menghubungi Tun Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri di bawah pentadbiran Perdana Menteri Dr. Mahathir ketika itu, sebagai orang tengah untuk mendamaikan PKM dengan kerajaan Malaysia. Akhirnya, perjanjian perdamaian tercapai dan ditandatangani oleh pihak PKM, kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand. Makna terakhirnya ialah bahawa PKM tidak dikalahkan atau menyerah kalah. PKM menamatkan gerakan bersenjata secara terhormat. Itulah yang dinanti-nantikan oleh minda sekumpulan aktivis politik kiri yang radikal pada ketika itu, walaupun ideologi Marxism-Leninisme, malah Maoisme yang diyakininya sekian lama itu sedang runtuh bertaburan pada penghujung dekad 1980-an itu.

## 7. Pilihan Rasional atau Keganasan?

Dari segi tanggapan teoritis, apabila arena bagi memperjuangkan nasionalisme aliran kiri, bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah Inggeris telah tertutup (kerana berkuatkuasanya Undang-undang Darurat 1948), maka 'pilihan rasional' yang ada pada mereka ialah menyertai gerakan perang bersenjata bersama-sama PKM. Ini kerana, kepada minda nasionalis Melayu pada ketika itu, kuasa kolonial perlu dan mungkin boleh ditumbangkan secara kekerasan, memandangkan kuasa Inggeris telah pun dikalahkan oleh Jepun antara 1942 hingga 1945. Rasionaliti ini sahih selagi kolonialisme Inggeris berterusan. Namun demikian, antara 1948 hingga 1957 (tarikh kemerdekaan Tanah Melayu), PKM lebih dikenali sebagai kumpulan yang mencetuskan keganasan terhadap orang awam dan tidak sebagai pejuang kemerdekaan. Oleh itu, walaupun kondisi yang sesuai untuk mencetuskan revolusi telah wujud, namun kondisi tersebut tidak disambut oleh penduduk yang berbilang kaum sebagai pilihan rasional mereka untuk memerdekakan Tanah Melayu. Ketika itu, bagi orang-orang Cina yang berhaluan kiri dan radikal, pilihan rasional mereka ialah untuk menyokong gerakan Parti Komunis China pimpinan Mao Zedong. Mereka menyokong PKM kerana tanggapan bahawa PKM ialah penyokong kuat Parti Komunis China. Bagi aktivis politik aliran kiri Melayu ketika itu, bekerjasama dengan Parti Komunis China bukanlah merupakan satu pilihan yang rasional. Pilihan rasional mereka ialah bekerjasama dengan Parti Komunis Indonesia. Tetapi, apabila Tanah Melayu diberikan kemerdekaan oleh British pada 1957, PKM kehilangan gagasan 'pilihan rasional' pramerdekaanya itu. Oleh itu, PKM menggunakan pakai konsep Tanah Melayu 'merdeka tidak sepenuhnya' sebagai rasional untuk meneruskan perjuangan bersenjata mereka. Namun begitu, sokongan orang

Melayu terhadap PKM sangatlah kecil. Pada masa yang sama, imej PKM sebagai pengganas yang menyusahkan kehidupan rakyat menjadi sangat ketara.

Banyak kajian dilakukan dan buku diterbitkan yang menceritakan tentang keganasan yang dilakukan oleh anggota PKM di Tanah Melayu pada zaman Undang-Undang Darurat dikuasakan, iaitu antara 1948 hingga 1960 (Raj, 2000; Ho Hui Ling, 2004). Selain menyerang pegawai polis dan tentera termasuk menyerang hendap pasukan tentera kerajaan, anggota PKM turut menyerang orang awam, terutamanya masyarakat Cina. Ho Hui Ling (2004) menceritakan hal ini dengan panjang lebar, iaitu bagaimana angkara anggota PKM menimbulkan huru-hara di seluruh Tanah Melayu dan menghantui orang awam kesemua kaum, termasuklah Orang Asli. Orang awam diserang kerana keengganan mereka menyokong dan memberikan bantuan kepada perjuangan PKM, ataupun kerana mereka dikenal pasti sebagai orang yang dimusuhi oleh PKM. Kesengsaraan hidup orang awam pada zaman Darurat telah sekian banyak diperkatakan dan tidak perlu diulang di sini. Kesengsaraan ini bertimpas-timpa kerana perbuatan PKM dan kerana langkah membasmikan PKM, terutamanya oleh pihak berkuasa kolonial. Namun begitu, Rashid Maidin dan Abdullah C.D. sedikit pun tidak menyentuh tentang perkara ini dalam memoir masing-masing. Malah, mereka menekankan betapa tidak sesuainya jika mereka digelar ‘pengganas komunis.’ Mereka begitu beria-ia menekankan bahawa mereka adalah nasionalis yang berjuang mengangkat senjata menentang kuasa kolonial Inggeris. Mereka tidak sedikit pun memohon maaf kerana mencetuskan kesengsaraan kepada orang awam di Tanah Melayu, terutamanya pada zaman Darurat.

Rashid Maidin memperagakan dirinya lebih sebagai seorang komunis, dan menyertai pergerakan golongan nasionalis kiri bagi pihak PKM. Beliau adalah orang Melayu pertama menjadi anggota PKM. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa Rashid Maidin ialah seorang aktivis PKM yang menggunakan organisasi politik nasional untuk mengembangkan ideologi komunisnya. Beliau ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa kolonial atas tuduhan beliau ialah seorang komunis. Apabila beliau dapat membebaskan dirinya daripada penjara, ketaksubannya terhadap komunisme mengisi minda perjuangan politiknya sepanjang hayat. Sebagai seorang anggota tentera komunis, beliau pastinya terlibat dengan keganasan terhadap orang awam. Beliau juga tidak pernah meminta maaf setiap perbuatan ganasnya itu. Malah, dalam memoirnya beliau mengangkat kehebatan dirinya sebagai pejuang kemerdekaan yang tidak takut mati. Beliau juga mengaku telah membunuh rakan seperjuangan yang disyaki sebagai ejen musuhnya. Beliau meninggal dunia sebagai seorang komunis yang tidak bersedia menerima hakikat bahawa rejim komunis telah mengalami kekalahan di Kesatuan Soviet (Rashid Maidin tidak sehaluan dengan revisionisme Soviet) dan ideologi komunisme semakin tidak diyakini di seluruh dunia.

Abdullah C.D. ialah seorang peminat sejarah yang bercita-cita meneruskan perjuangan para pahlawan Melayu terdahulu, sejak Datuk Maharaja Lela dan Datuk Bahaman lagi, yang menentang kuasa kolonial. Beliau ialah seorang penulis yang prolifik. Beliau diterima menjadi anggota PKM tanpa perlu menjalani latihan sekolah PKM. Disebabkan kebolehannya mengetuai kumpulan bersenjata, Chin Peng menyarankan supaya beliau menuju ke Rejimen Ke-10. Beliau juga ialah seorang ideolog komunis Melayu dan berupaya melaksanakan visi politiknya kerana beliau berjawatan komisar bagi Rejimen Ke-10. Beliau juga mengarahkan pergerakan Tentera Pembebasan Nasional PKM. Apabila beliau terkena racun (1967), ramai anggota PKM yang disyaki menjadi ejen pihak kerajaan Malaysia telah dibunuh. Apabila beliau dikritik oleh kumpulan Musa Ahmad, beliau mengambil tindakan memecat Musa daripada segala jawatan yang dipegang dalam PKM, termasuklah sebagai Pengurus PKM. Dalam memoirnya, kerana beliau berkuasa (sebagai komisar dan juga sebagai Pengurus PKM menggantikan Musa Ahmad), Abdullah C.D. mendedahkan segala-galanya, termasuklah gambar kesemua anggota Rejimen Ke-10 yang dipimpinnya. Beliau ternyata seorang yang cekap menjalankan tugasnya sebagai pemimpin sebuah organisasi pengganas selama empat dekad. Dalam memoirnya, beliau tidak meminta maaf kerana melakukan keganasan dan pembunuhan terhadap orang awam. Malah, beliau juga menuntut perjuangannya dihargai. Menurutnya, tanpa keberanian PKM bermandi darah, Tanah Melayu tidak akan diberikan kemerdekaan oleh Inggeris. Setelah ditanda tangani Perjanjian Haadyai 1989, beliau tidak berhasrat tinggal menetap di Malaysia kerana takut dipenjarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Malaysia. Abdullah C.D. juga tidak menyentuh sedikit pun tentang krisis yang melanda komunisme sejak tumbangnya rejim komunis di Kesatuan Soviet. Malah, beliau tidak memberikan sebarang komen mengenai Malaysia yang pesat membangun sejak mencapai kemerdekaannya pada 1957.

## 8. Penutup

Teori 'pilihan rasional' mungkin boleh diguna pakai untuk memahami sebab-musabab terdapat para nasionalis Melayu dalam dekad 1940-an dan 1950-an mengambil keputusan menyertai gerakan PKM. Menurut Rashid Maidin dan Abdullah C.D., kerana mereka tidak mempunyai pilihan lain, kecuali jika rela dipenjarakan. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, pilihan rasional untuk meneruskan perjuangan bersama-sama PKM adalah atas alasan Tanah Melayu belum merdeka sepenuhnya (hanya merupakan sebuah neokoloni British) dan PKM yang akan menjadikannya sebuah negara yang merdeka sepenuhnya. Apabila Malaysia muncul menjadi sebuah negara yang pesat membangun, rasional yang digunakan meneruskan perjuangan bersama-sama PKM adalah kerana Malaysia terus-menerus dicengkam oleh modal asing (yang dibenci oleh Mao Zedong dalam era Revolusi Kebudayaan di negeri China). Akhirnya, komunisme mula mengalami krisis dalam sejak awal dekad 1980-an, dan PKM juga telah kehilangan pilihan rasionalnya untuk meneruskan perjuangan.

Sebenarnya, idea memulakan rundingan antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand bermula pada 1988 setelah pengaruh Mao Zedong mulai terhakis di negeri China yang menyebabkan PKM tidak lagi mempunyai penaung politik yang kuat. Mao Zedong meninggal dunia pada 1976 dan tempatnya sebagai pemimpin utama China telah diisi oleh Deng Xiaoping. Beliau mengubah dasar ekonomi dan sosial negeri China yang telah dikuatkuaskan oleh Mao Zedong, terutamanya dasar pembangunan ekonomi berdasarkan sistem komune (1958-1961) yang menyebabkan penduduk China mengalami kebuluran, dan dasar yang berkaitan dengan Revolusi Kebudayaan yang telah memecahbelahkan organisasi Parti Komunis China dan keharmonian sosial di negeri tersebut. Deng berpendirian bahawa unsur ekonomi pasaran yang dianggap tidak menggugat prinsip sosialisme boleh diterima dan diamalkan di negeri China. Kemungkinan besar bahawa Deng tidak lagi memberikan bantuan kewangan dan sokongan moral yang diperlukan oleh PKM. Hal ini tidak disentuh dalam *Memoir Rashid Maidin* (2005) dan *Memoir Abdullah C.D.* (2005, 2008, 2009).

Proses keruntuhan rejim komunis di Kesatuan Soviet dan lunturnya ketaksuhan umum terhadap Marxisme-Leninisme-Maoisme terjadi di sepanjang dekad 1980-an. Pada penghujung dekad 1980-an itu, China mulai mengiktiraf unsur positif dalam sistem kapitalisme. Negara-negara bekas tanah jajahan, termasuklah Malaysia telah memperlihat kejayaan dalam program pembangunannya di bawah kapitalisme. Kesemua itu telah dilihat sendiri oleh Rashid Maidin dan Abdullah C.D. Dalam jangka masa itu juga, PKM telah berpecah tiga kesan daripada revisionisme terhadap Marxisme-Leninisme. Inilah faktor yang membawa mereka ke meja perundingan dengan kerajaan Malaysia dengan bantuan kerajaan Thailand pada 1989.

Bertitik tolak daripada idea Theda Skocpol bahawa revolusi sosial berjaya tercetus di Perancis, Russia dan China kerana terdapat pilihan rasional yang jelas dan berjangka panjang dalam kalangan rakyat ketiga-tiga negara tersebut, dan disertai oleh wujudnya kondisi yang cocok untuk tercetusnya revolusi. Bagi revolusi komunis yang ingin dicetuskan oleh PKM di Tanah Melayu, pilihan rasional ke arah itu hanya muncul sebentar sahaja (1948-1957). Walau bagaimanapun, kondisi kehidupan yang melarat yang boleh mencetuskan revolusi sosial tidak terlalu meruncing, menyebabkan PKM tidak mendapat sokongan daripada majoriti rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu. Malah, kemelaratan hidup rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu, khususnya dalam zaman Darurat, adalah disebabkan oleh keganasan yang dilandakan oleh PKM. Hal ini nyata enggan disentuh oleh minda pemimpin komunis Melayu. Kejayaan kerajaan Malaysia melaksanakan pembangunan nasional, khususnya dalam dekad 1980-an, iaitu ketika komunisme di seluruh dunia menghadapi krisis dalamannya, telah mendorong PKM untuk merundingkan perdamaianannya dengan pihak kerajaan Malaysia. Berdamai tanpa terpaksa mengaku kalah ialah pilihan rasional PKM ketika itu.

## Rujukan

- Abdullah C.D. (2005). *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Pertama): Zaman Pergerakan Sehingga 1948*. Petaling Jaya: SIRD.
- Abdullah C.D. (2007). *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Kedua): Penaja dan Pemimpin Rejimen Ke-10 (2008)*. Petaling Jaya: SIRD.
- Abdullah C.D. (2009). *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Ketiga): Perjuangan di Sempadan dan Penamatian Terhormat*. Petaling Jaya: SIRD.
- Aloysius Chin (1995). *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*. Kuala Lumpur: Vinpress.
- Daniels, R. V. (1989). *Year of the Heroic Guerrilla: World Revolution and Counterrevolution in 1968*. New York: Basic Books.

- Hanrahan, Gene Z. (1971). *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ho Hui Ling (2004). *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim Chik (2004). *Memoir Ibrahim Chik: Dari Api ke Rejimen Ke-10*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khoo Kay Kim & Adnan Nawang (pnyt.). (1984). *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera Malaysia.
- Mead, George H. (1934). *Mind, Self and Society*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mohamed Salleh Lamry (2006). *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raj, Dato' J.J. (2000). *The War Years & After*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Rashid Maidin (2005). *Memoir Rashid Maidin: Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian*. Petaling Jaya: SIRD.
- Shamsiah Fakeh (2004). *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari Awas ke Rejimen Ke-10*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Short, Anthony (1975). *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. London: Frederick Muller Ltd.
- Skocpol, Theda (1994). *Social Revolutions in the Modern World*. New York: Cambridge University Press.
- Skocpol, Theda (1979). *States and Social Revolutions: A Comparative Analysis of France, Russia, and China*. New York: Cambridge University Press.
- Stubbs, Richard (1989). *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*. Singapore: Oxford University Press.
- Waller, M. (1981). *Democratic centralism: an historical commentary*. Manchester: Manchester University Press.
- Yong C.F. (1997). *The Origins of Malayan Communism*. Singapore: South Sea Society.
- Zerubavel, E. (1999). *Social Mindscapes: An Invitation to Cognitive Sociology*. Harvard: Harvard University Press.